

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 52 RABU 27HB. DISEMBER, 1972. 1392 رابو 21 ذوالقعدة PERCHUMA

D.Y.A.M. RAJA MUDA JOHORE DI-KURNIAKAN BINTANG D.K.

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah menganugerahkan Bintang Kebesaran Negeri Brunei, Darjah Kerabat Yang Amat Di-Hormati — Darjah Laila Utama kepada Duli Yang Amat Mulia Raja Muda Johore Tunku Mahmood Ishkandar Ibni Sultan Ismail Al-Hajj. Istiadat menganugerahkan Bintang

Kebesaran Negeri Brunei itu, telah diadakan dalam satu Istiadat di-Majlis Persantapan Diraja di-Istana Darul Han pada malam Rabu lepas.

Gambar kanan menunjukkan Duli Yang Maha Mulia sedang mengalungkan Bintang Kebesaran Negeri Brunei, Darjah Kerabat Yang Amat Di-Hormati — Darjah Laila Utama ka-leher D.Y.A.M. Raja Muda Johore.



D.Y.M.M. akan merasmikan Majlis Meshuarat Negeri pagi ini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei akan berangkat ka-Dewan Majlis untuk melafadzkan titih dalam upacara pembukaan rasmi persidangan Majlis Meshuarat Negeri pada pagi ini.

Meshuarat Pertama dari musim permeshuaratan ke-sepuluh itu akan membincangkan anggaran belanjawan bagi tahun 1973.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dijadualkan berangkat tiba kamailis itu kira2 9.33 pagi di mana baginda akan menerima dan membalas tabek kehormatan yang terdiri dari pasokan Pulis Diraja Brunei.

Sa-telah itu, Duli Yang Maha Mulia akan di-junjung berangkat ka-Dewan Persidangan untuk melafadzkan titih.

Terdahulu sa-belum itu, saramai 20 orang ahli Majlis Meshuarat Negeri akan mengangakat sumpah. Mereka itu terdiri dari lima orang ahli kerana jawatan, lima orang ahli rasmi dan 10 orang ahli yang di-lantek.

Turut hadir dalam mailis pembukaan rasmi Mailis Meshuarat Negeri pada pagi ini ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Tuan Yang Terutama Pasurohaya Tinggi British di Brunei, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiyah Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M. Al-Sultan, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa, Yang Ter-

amat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheria2, Ahli2 Mailis Meshuarat Diraja, Ahli2 Majlis Meshuarat Tetap dan ahli2 Majlis Meshuarat Mengangkat Raja.

Tutup awal

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Pos Brunei tidak akan menjalankan perkhidmatan menjual atau membayar money-order, menerima atau mengirinkan bungkusan COD atau perkhidmatan simpanan wang sa-lepas pukul 2.00 petang hari Sabtu 30hb. Disember ini.

Penutupan awal perkhidmatan itu dari masa2 biasa ia-lah kerana penutupan kira2 menjelang akhir tahun.

Sa-orang juruchakap Jabatan Perkhidmatan Pos berkata, perkhidmatan penjualan setem dan penerimaan surat2 berdaftar akan diadakan seperti biasa hingga pukul 4.00 petang.

GADONG. — Kaki tangan dan penuntut2 Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiyah pada hari Ahad minggu lalu telah mengadakan satu majlis perpisahan bagi sa-ramai 118 orang penuntut tahun akhir yang tamat menjalani kursus di-maktab itu.

Pengarah Pelajaran, Dato Malcolm MacInnes dalam ucapan-nya di-majlis itu, telah memuji penuntut2 tahun akhir itu kerana giat menjalankan banyak kerja2 menga-

Kongres Agong MBB 1hb. Jan.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Mom'in bin Pengiran Haji Ismail akan merasmikan pembukaan Kongres Agong Perwakilan Majlis Belia2 Negeri Brunei yang akan berlangsung di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan pada 1hb. Januari, 1973.

Sa-orang juruchakap majlis itu menyatakan bahawa beberapa buah persatuan2 belia dan kebajikan yang bergabung dengan Majlis Belia2 Negeri Brunei telah pun bersedia untuk menyertai kongres dengan menghantar perwakilan2 mereka.

Walau bagaimana pun pe-

luang maseh terbuka kepada persatuan2 belia dan kebajikan yang belum menghantar permohonan mereka untuk menyertai kongres itu.

Beliau menyeru persatuan2 yang belum menghantar permohonan untuk menghadiri kongres itu supaya menghantar permohonan mereka dengan segera bagi memudahkan jawatankuasa kongres menyediakan beberapa kelengkapan yang perlu.

Persatuan2 dan pertubuhan2 yang tidak bergabung dengan Mail's Belia2 Negeri Brunei tetapi berhajat hendak menyertai kongres itu ada-lah di-alu2kan dan kehadiran mereka itu hanya-lah sa-bagai pemerhati saja.

Majlis perpisahan penuntut2

jar sa-masa menjalani kursus itu.

Penyusun latehan perguruan, Awang McCorkindale dalam ucapan-nya, pula telah menasehatkan penuntut2 itu supaya bekerja lebih giat bagi faedah penuntut2-nya.

Dalam majlis itu, jawatankuasa majalah maktab tersebut telah menghadiahkan satu set buku2 bagi khutubkhana maktab, yang berharga \$5.00.00 sempena memperingati Tahun Buku Antarabangsa,

sementara penuntut2 yang tamat latehan itu menghadiahkan satu chenderamata kepada kaki tangan maktab tersebut.

Sa-masa menerima hadiah2 itu, pengetua maktab, Awang P.D. Parshad dalam ucapan-nya telah menekankan betapa penting-nya buku2 kepada pelajaran dan orang ramai.

Kata-nya di-mana2 jua di-dunia ini buku2 seperti itu ada-lah amat di-perlukan.

MENURUT sa-buah hadith riwayat Abu Zar r.a. bahawa pada zaman Rasulullah s.a.w. ada sa-kumpulan sahabat2 Baginda telah mengemukakan pertanyaan sa-bagai berikut:

"Wahai Rasulullah, orang kaya kembali ka-alam akhirat nanti membawa pahala banyak, sedangkan mereka itu sembahyang seperti kami, mereka puasa seperti kami dan mereka itu mengeluarkan sedekah dari kelebihan harta2 mereka".

Rasulullah s.a.w. telah menjawab: "Tidak kah Tuhan juga telah memberikan yang lain untuk kamu sedekahkan? Sesungguh-nya tiap2

kan kekotoran itu berada di-tempat2 itu ada-lah termasuk pula pekerjaan yang tidak baik.

Dari chontoh2 di-atas seperti hubungan sex suami isteri, membacah tasib, tahmid dan takbir, membawa kapada membuang sampah di-jalan raya dan di-tempat2 ibadat yang di-berikan pahala oleh Allah Subhanahu - wataala, maka betapa-kah pula pekerjaan2 dan amalan2 yang besar sa-umpama memajukan umat dan negara, membenters kemiskinan dan kejahatan dan sa-umpama-nya semua-nya itu

Mendengar jawapan yang akhir itu mereka pun bertanya sekali lagi sa-olah2 mereka belum pasti: "Wahai Rasulullah, ada-kah kami berpahala juga manakala kami bergaul dengan isteri2 kami?"

Menjawab Nabi: "Bukan-kah kalau sa-seorang itu melepaskan nafsu-nya dengan jalan yang haram dia berdosa? Maka bagitu pula-lah kalau dia lakukan menurut chara yang halal dia mendapat pahala".

Dari keterangan hadith di-atas, jelas-lah kapada kita bahawa pintu kebajikan itu sangat-lah luas dan banyak. Membacah Subhanallah, atau membacah Allahu-Akbar atau membacah la-ila ha-ila-allah itu termasuk sedekah yang di-berikan pahala oleh Allah Subhanahu-wataala.

Menurut beberapa keterangan hadith yang lain banyak di-berikan chontoh2 perbuatan2 yang nampak-nya kecil dan tiada bagitu penting di-berikan nilai yang tinggi oleh Allah Subhanahu - Wataala. Umpama-nya sa-buah hadith riwayat Abu Zar r.a. bersabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

"Di-serahkan kapada ku sa-genap amalan umat ku, yang baik-nya dan yang jahat-nya, maka aku peroleh bahawa dari pekerjaan mereka yang baik2 ia-lah kekotoran yang di-buang dari "jaraya" dan yang aku peroleh dari pekerjaan yang jahat ia-lah kekotoran yang ada di-mesjid yang tiada di-buang".

Di-dalam hadith tersebut di-chontohkan Nabi bahawa membuang kekotoran di-jalan2 raya dan di-mesjid2 ada-lah termasuk dari pekerjaan2 yang baik. Sa-balek-nya membiar-

kan kekotoran itu berada di-tempat2 itu ada-lah termasuk pula pekerjaan yang tidak baik.

Dari chontoh2 di-atas seperti hubungan sex suami isteri, membacah tasib, tahmid dan takbir, membawa kapada membuang sampah di-jalan raya dan di-tempat2 ibadat yang di-berikan pahala oleh Allah Subhanahu - wataala, maka betapa-kah pula pekerjaan2 dan amalan2 yang besar sa-umpama memajukan umat dan negara, membenters kemiskinan dan kejahatan dan sa-umpama-nya semua-nya itu

316 orang bakal haji bertolak 29hb. dan 31hb. Dis.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 316 orang bakal Haji Brunei, yang akan menunaikan fardhu haji ka-Mekah dengan kapal terbang akan meninggalkan tanah ayer menuju ka-Jeddah, pada hari Jumaat,

Penyampaian hadiah kpd. penuntut2 terbaik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 33 orang penuntut Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan menerima hadiah2 sa-bagai penuntut2 terbaik di-maktab itu dalam tahun 1972.

Majlis penyampaian hadiah itu telah di-adakan di-dewan maktab itu pada hari Khamis lepas.

17 orang penuntut termasuk 12 penuntut perempuan adalah kumpulan terbaik dalam pelajaran dan 36 orang lagi kumpulan terbaik dalam sukan.

Tiga orang dari mereka adalah penuntut terbaik dalam semua bahagian tahun itu. Mereka ia-lah Dayang Sunah binte Othman yang mendapat tempat pertama, Dayang Norzainah binte Awang Ering tempat kedua dan Awang Yusof bin Ahmad tempat ketiga.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pengarah Pelajaran, Dato Malcolm MacInnes.

Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada masa ini mempunyai enam puluh orang penuntut, 37 daripadanya perempuan.

Tiap2 pekerjaan yang di-lakukan dengan jujur dan ikhlas akan mendapat ganjaran pahala



KHUTBAH JUMA'AT

tentu-lah akan lebeh2 pula ganjaran pahala-nya andai-nya di-niatkan kerana Allah dan di-lakukan dengan jujur dan ikhlas.

Tetapi kita harus-lah ingat bahawa perbuatan jahat yang sedikit pun chukop pula akan memasokkan kita ka-dalam neraka. Sa-bagaimana pernah di-terangkan oleh Rasulullah bahawa pernah sa-orang perempuan kerana mengikat sa-ekor kucing sampai mati kerana tak dapat mencari makan, jadi masok neraka kerana jahat-nya perbuatan perempuan itu.

Dari keterangan2 di-atas kita patut-lah mengambil pengajaran dan mengambil langkah2 yang berkesan supaya di-dalam melakukan sa-barang pekerjaan yang baik dan halal kita hendak-lah meniatkan-nya samata2 kerana Allah supaya ia-nya di-berikan ganjaran pahala di-samping membuahkan hasil2 yang berkebajikan. Ingat-lah tuan2 bahawa pintu kebaikan itu sangat luas dan banyak dan sa-balek-nya pintu kejahatan pun demikian juga. Orang yang waspada dan ingat-lah yang akan lebeh selamat di-dunia dan di-akhirat.

29hb. Disember dan hari Ahad 31hb. Disember.

Penerbangan pertama pada 29hb. itu akan bertolak dari lapangan terbang antara bangsa di-Berakas pada pukul 8.00 pagi dengan menaiki kapal terbang Boeing 707 dari Sharikat Donaldson International Airlines, British. Sementara penerbangan yang kedua, ia-itu pada 31hb. juga akan bertolak pada pukul 8.00 pagi dengan kapal terbang yang sama.

Penerbangan pertama itu akan membawa sa-ramai 189 orang dan penerbangan kedua akan membawa sa-ramai 127 orang.

Jemaah2 haji dalam penerbangan yang pertama itu akan di-iringi oleh tiga orang pegawai dari Jabatan Perubatan yang terdiri dari Dr. Johar bin Haji Nordin, Awang Haji Sulaiman bin Ahmad dan Awang Haji Wahid bin Awang Besar. Rombongan yang pertama itu juga akan di-sertai oleh sa-

orang wakil jawatankuasa penasehat Urusan Haji Negeri Brunei, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Indera, Awang Jilly bin Ibrahim dan dua orang pegawai kebajikan haji, Awang Haji Mohamed Ali bin Aliakbar dan Awang Ahmad bin Arshad.

Bakal2 haji dalam penerbangan yang kedua akan di-sertai oleh Pengiran Haji Abbas bin Pengiran Aliuddin, Awang Haji Mohd. Kassim bin Haji Ahmad, dari Jawatankuasa Penasehat Urusan Haji, dan Pengiran Mohammed Yassin bin Pengiran Othman, pegawai kebajikan haji.

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal Ugama menyeru bakal2 haji itu supaya berada di-lapangan terbang Berakas yang lama pada sa-lewat2-nya pada pukul 5.30 pagi. Dari sana mereka akan di-bawa ka-lapangan terbang antara bangsa dengan menaiki bas2 yang di-khaskan.

(Lihat Muka 3)

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 27hb. Disember, 1972 hingga ka-hari Selasa 2hb. Januari, 1973 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit
27hb. Dis.		12-28	3-47	6-24	7-39	4-54	5-09 6-27
28hb. Dis.		12-28	3-47	6-24	7-39	4-54	5-09 6-27
29hb. Dis.		12-28	3-47	6-24	7-39	4-54	5-09 6-27
30hb. Dis.		12-28	3-47	6-24	7-39	4-54	5-09 6-27
31hb. Dis.		12-28	3-47	6-24	7-39	4-54	5-09 6-27
1hb. Jan.		12-30	3-50	6-27	7-40	4-57	5-12 6-29
2hb. Jan.		12-30	3-50	6-27	7-40	4-57	5-12 6-29

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Barisan tamat latehan 80 orang kadet di-Khemah Bolkiah

BERAKAS. — Pegawai Pemerintah Depot dan Chawangan Latehan Perkhemahan Bolkiah, Major Dato Paduka W.D.R. West telah memeriksa satu perbarisan tamat latehan terdiri dari 80 orang Kadet Brunei, dari Sekolah2 Menengah dan Maktab2 di-Perkhemahan Bolkiah di-Berakas pada hari Rabu lepas.

Perbarisan itu di-perentahkan oleh Major Mohammad Yusof bin Said, dan pancharagam Askar Melayu Diraja Brunei, yang di-pimpin oleh Sarjan Major Pegawai Warrant Dua B.M. Matlock, telah juga menyumbangkan permainan-nya di-upachara itu.

Pasokan2 dalam perbarisan itu, di-perentahkan Platoon Satu oleh Pengiran Mohammad Yunos bin Pengiran Haji Besar; Platoon Dua, Pengiran Tajuddin bin Pengiran Ahmad, dan Platoon Tiga, Awang Abdullah Sani bin Haji Ali Hussain.

Latehan Kadet2 Brunei dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Maktab SOAS, Sekolah Menengah Melayu SMJA, Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong, Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Bangar dan Maktab Anthony Abell, Setia telah di-kelolakan oleh Chawangan Latehan Askar Melayu Diraja Brunei, yang di-pimpin oleh Major Mohammad Yusof bin Said.

Pegawai Pemerintah Depot dan Chawangan Latehan di-Perkhemahan itu, kemudian-nya telah menyampaikan hadiah2 kepada Kadet dan Platoon Terbaik dalam tahun ini.

Hadiah untuk Kadet Terbaik telah di-menangi oleh Kopral Jaya bin Nisbah dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan dan hadiah untuk Platoon Terbaik juga di-menangi oleh Maktab itu.

Dalam perbarisan itu juga, 3 orang Lance Kopral telah dinaikkan pangkat Kopral dan 13 orang Kadet di-naikkan pangkat Lance Kopral.

Perlawanan hoki 6 sa-pasokan

TUTONG. — Persatuan Melayu Luagan Dudok Tutong akan mengadakan perlawanan hoki enam orang sa-pasokan menurut sistem kalah mati, bulan hadapan.

Sa-orang juruchepak jawatankuasa penganjur berkata, perlawanan itu terbuka kepada persatuan2 belia, jabatan2 kerajaan dan sekolah2 di-daerah itu sahaja. Tiap2 persatuan, jabatan dan sekolah2 boleh menghantar dua pasokan.

Bayaran masuk menyertai perlawanan ia-lah \$5.00 tiap2 satu pasokan.

Borang2 penyertaan boleh di-dapati dari Awang Mohamed Ali bin Haji Mokti di-Jabatan Pelajaran, Tutong dan dari Awang Abdul Aziz bin Haji Mohamed Daud di-Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait, dan borang2 itu hendak-lah di-kembalikan tidak lewat 4hb. Januari, 1973.



Gambar2 atas dan bawah menunjukkan ketika penuntut2 dan guru2 bekerja membersihkan kawasan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan.

MMPSBS bentok J/K bagi mengutip derma Pembinaan Stadium

JALAN MUARA. — Sa-ramai lebih dari 1,000 orang murid, guru2 dan kaki-tangan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan telah bekerja membersihkan kawasan sa-luas 35 ekar di-Maktab itu baru2 ini.

Kerja2 itu telah di-ketuai oleh Pengetua Maktab itu, Awang Abdul Jalil bin Abdul Rahman dan telah di-rasmikan oleh Pemangku Penguasa Pelajaran Melayu, Awang Abdul Razak bin Mohammad.

Wang peruntukan membersehhkan kawasan Maktab itu yang berjumlah sa-banyak \$1,000.00 akan di-potong dan di-dermakan kepada Tabong Pembinaan Stadium.

Maktab itu juga telah membentok satu Jawatankuasa Kecil bagi mengutip derma untuk Pembinaan Stadium. Jawatankuasa itu di-Pengerusikan oleh Pengetua Maktab itu, Awang Abdul Jalil bin Abdul Rahman.

Menjelang awal tahun depan Maktab itu akan menjalankan beberapa siri ranchangan dengan mengadakan pasar ria, pameran lukisan dan hasil kerja tangan, pementasan dan pertunjukkan filem, sementara pengakap2 dan Pandu2 Puteri Maktab itu akan bekerja membersehhkan rumah guru2 dan kereta2 di-maktab itu.

Semua wang kutipan dari kerja2 itu akan di-dermakan kepada Tabong Pembinaan Stadium.

Tidak di-benarkan bawa lebih

(Dari Muka 2)

Beliau mengingatkan bakal2 haji itu supaya menghantar barang2 mereka ka-lapangan terbang Berakas yang lama pada hari Khamis 28hb. Disember bagi bakal2 haji yang akan bertolak dalam penerbangan pertama dan hari Sabtu 30hb. Disember bagi barang2 bakal2 haji dalam penerbangan kedua.

Bakal2 haji itu ada-lah di-nase-

hatkan supaya membawa barang2 mereka tidak melebihi berat dari 20 kilo termasuk yang di-bawa di-tangan.

Sanak saudara dan sahabat handai bakal2 haji hanya di-benarkan menghantar di-lapangan terbang Berakas lama dan mereka sama sekali tidak di-benarkan menghantar ka-lapangan terbang antara bangsa.

Peniaga2 K.B. akan menderma kpd. Tabong Pembinaan Stadium


BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohammad Jamil Al-Sufri, selaku Setia Usaha Agong Jawatan Kuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium telah menerima satu pengakuan dari Sharikat2 Perniagaan Tiong Hwa di-Daerah Belait untuk memberikan derma bulanan kepada tabong tersebut sa-lama tiga tahun.

Pengakuan tersebut telah di-sampaikan oleh Awang Clement Chia yang mewakili 200 orang peniaga Tiong Hwa di-Daerah Belait kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja di-De-wan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan baru2 ini.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja berkata bahawa sharikat2 perniagaan itu akan memberikan derma bulanan sekurang2-nya \$2,000.00 pada tiap2 bulan sa-lama tiga tahun, yang akan berjumlah lebih kurang \$72,000.00.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja menyeru sharikat2 perniagaan lain di-negeri ini supaya mengambil contoh tauladan yang baik itu.

Sementara itu Persatuan King Kau telah mengadakan pertunjukkan bangsawan sa-lama dua malam pada 24hb. dan 25hb. Disember di-Kuala Belait untuk mengutip derma bagi tabong pembinaan stadium itu.



Awang Zaini memotong batang rumbia yang panjang-nya 21 kaki itu menjadikan-nya tiga kaki sa-belum di-naikkan dari sungai dan seterusnya di-kupas dan di-belah.



Sa-telah di-kupas, rumbia itu di-belah sa-belum di-masokkan ka-dalam perut meshen.



Salah sa-orang pekerja sharikat membuat ambulong MYTZ kelihatan sedang memasokkan rumbia ka-dalam meshen.

DI-TANJONG Maya, sa-buah kawasan yang terletak di-Daerah Tutong, terdapat sa-buah kilang yang menghasilkan AMBULONG. Kilang ini di-punyai oleh sa-buah sharikat kepunyaan orang2 Melayu yang menggunakan nama MYTZ: Huruf2 MYTZ ini mungkin mengambil sempena nama2 ahli2 sharikat ini ia-itu Mohammad, Yusof, Tengah dan Zainuddin. Sharikat ini telah di-tubuhkan pada tahun 1970. Kilang ini, yang terletak di-tepi Sungai Tutong asal-nya ada-lah kepunyaan sa-orang China dari Sarawak dan kemudian-nya telah di-beli oleh orang2 Melayu apabila beliau balek ka-tanah ayer-nya.

Pengurus sharikat ini ia-lah Awang Zaini bin Ahmad, sa-orang yang memang berasal dari Tanjong Maya dan pernah bekerja dengan Sharikat Minyak Shell Brunei sa-lama 16 tahun. Sa-telah berhenti dari Sharikat Minyak Shell Brunei, beliau pulang ka-kampung dan bekerja dengan kilang membuat ambulong. Sa-masa berkhidmat dengan kilang ini-lah Awang Zaini mendapat latehan chara2 menjalankan proses membuat ambulong daripada tawkey yang mempunyai kilang ini. Ketika itu beliau di-bayar gaji \$7.00 sa-hari dan dari sini-lah beliau mula tertarik hati untuk mencheburkan diri dalam perusahaan membuat ambulong ini.

Sharikat MYTZ ini mengeluarkan ambulong dengan chara yang moden ia-itu dengan menggunakan meshen. Awang Zaini mengatakan yang sharikat beliau tidak pernah menggunakan chara lama, ia-itu menggunakan "kaki" seperti yang pernah di-amalkan oleh pengusaha2 ambulong sa-belum-nya. Untuk melinchinkan kerja2 di-kilang ini, empat orang pekerja yang kesemua-nya terdiri daripada orang2 Kampong Tanjong Maya sendiri telah di-gaji oleh sharikat ini.

Saperti juga sharikat2 lain, sharikat ini juga mempunyai waktu2 bekerja dan hari2 kelepaan awam yang tertentu. Di-sabalah pagi kerja2 di-mulakan dari jam 7.00 pagi hingga 11.00 pagi dan kemudian di-sambong sa-mula dari jam 12.00 tengah hari hingga 4.00 petang. Pekerja2 sharikat ini bekerja sa-lama 6 hari sa-minggu dengan hari Jumaat sa-bagai hari kelepaan awam. Bagitu juga di-masa hari2 kebesaran orang2 Islam pekerja2 di-berikan kelepaan.

Bila kita menyentoh tentang perusahaan ambulong, kita rasa tentu sekali menarek kalau kita tinjau bagaimana-kah kilang ambulong ini mendapatkan bahan2 yang digunakan untuk menghasilkan ambulong dan yang penting sekali bagaimana-kah proses membuat ambulong ini di-lakukan sa-hingga di-masokkan ka-dalam tampin.

Awang Zaini menerangkan, batang2 rumbia itu di-dapatkan dari ulu2 sungai yang di-usahakan oleh orang2 kampong di-sana. Biasa-nya batang rumbia itu di-dapati dari kawasan2 jauh saperti Panapar, Sungai Damit dan Pamadang dengan harga \$8.00 sa-batang. Batang2 rumbia itu di-tebang dan di-hanyutkan di-sepanjang Sungai Tutong ka-kilang ambulong itu. Batang2 rumbia yang di-hanyutkan itu di-sambut oleh pekerja2 kilang. Untuk memastikan yang batang2 rumbia itu kepunyaan mereka, maka terlebih dahulu di-adakan perjanjian di-antara kedua belah pihak. Pihak yang hendak meng-hanyutkan batang2 rumbia itu akan memberitahu terlebih dahulu, umpama-nya sa-hari atau dua hari menyatakan yang mereka akan menghanyutkan batang2 itu esok atau lusa, kata-lah sa-banyak 30 batang dan tat kala membuat perjanjian itu mereka juga menerima wang bayaran. Biasa-nya jumlah batang2 rumbia yang di-hanyutkan itu menepati saperti yang di-injinkan. Satu masaalah yang kadang2 timbul, batang2 yang di-hanyutkan itu menyangkut atau terdampar ka-

MENJAU KA-KILANG MEMBUAT AMBULONG DENGAN CHARA MODEN

HASIL TINJAUAN AWANG ALIDIN OTHMAN



Awang Zaini bin Ahmad, pengurus sharikat membuat ambulong MYTZ.

tepi sungai. Jika perkara ini berlaku, Awang Zaini dan pekerja2-nya terpaksa menggunakan outbot dan menchari batang2 itu dan kemudian di-hanyutkan sa-hingga sampai ka-kilang.

Chara yang di-gunakan ini agak menarek perhatian dan mudah di-lakukan. Chara ini juga tidak banyak melibatkan tenaga manusia atau jentera. Nyata-lah yang mereka ini menggunakan daya fikiran yang bijak untuk mengendalikan kerja2 mereka. Dengan chara ini juga wang dan tenaga manusia dapat di-jimatkan.

Bagaimana-kah proses membuat ambulong ini di-lakukan sa-hingga di-masokkan ka-dalam tampin. Saperti yang di-katakan tadi, batang2 rumbia itu mula2 di-hanyutkan. Sa-telah batang2 itu tiba di-kilang, maka batang2 rumbia yang berukuran kira2 21 kaki di-potong menjadi kira2 3 kaki sa-lepas itu di-naikkan dari sungai dan di-kupas dan kemudian-nya di-belah. Sa-telah itu di-masokkan pula ka-dalam perut meshen. Meshen ini terus berjalan dan hasil-nya ayer dan ambulong. Bahan2 ini kemudian-nya keluar dari meshen terus di-masokkan ka-"sadian". Lepas itu "di-tahankan" sa-malam, ayer-nya di-tukar dengan ayer baru dan di-kachau". Apabila ambulong itu sudah "duduk" maka ayer itu pun di-buang. Sa-telah selesai semua-nya maka ambulong itu pun di-masokkan ka-dalam tampin, sudah sedia untuk di-jual. Sa-tampin ambulong berharga \$3.30 dan berat-nya kira2 30 kati.

Untuk menjual ambulong ini, sharikat ini memang mempunyai wakil2 sa-bagai pengedar hasil2 sharikat ini ka-tempat2 lain di-dalam negeri ini. Ambulong ini dibawa ka-Bandar Seri Begawan oleh



Pengirim Mohammad bin Pengiran dan sa-orang China dari pula membawa ka-pasar jual sa-chara berkati. Satu h yang di-hadapi oleh sharikat ia-lah tentang pengeluaran yang kadang2 tidak dapat memenuhi permintaan (dalam pelanggan2-nya. Dalam Awang Zaini sendiri, "pekerja2 banyak tapi ambulong langka2".

Dal sa-hari kilang ini meng- 160 batang rumbia dan ini menghasilkan kira2 160 tam- boleh pendapatan pukul-rata pin de \$400.00. Jumlah ini ter- bayaran gaji dan modal. masokkan berseh untuk sa-hari Penda-kan oleh Awang Zaini sa- di-ang \$32.00. Beliau mengatakan banya-kan ini sunggo2 memuas- penda-kan, dan menurut beliau ha- sahaan ambulong ini ada- sil pukop untuk menampung lah an hidup sa-keluarga. Un- keperlu-ambakkan lagi pendapatan tok ma- au menternak sa-chara sam- bilan.

Me-ikut penerangan Awang Zaini, perjalanan kilang sa-takat lah memuaskan dan tidak ini ad- sa-barang masaalah saperti timbul-kan bekalan ayer kerana menda- ni terletak di-tepi sungai. kilang pun di-musim kemarau ker- ilang tidak terganggu. Ba- ja2 di- pun di-musim kemarau, gaiman- kar sedikit untuk menarek agak rumbia itu ka-sungai kera- batang aan tanah yang kering.

Ak- sekali, Awang Zaini me- nyatak- tentang chita2 beliau nyatak- memperbesar dan memper- untok lagi perusahaan ambulong baikk- di-izinkan Tuhan. Sa-moga berjay-



Sa-telah ambulong itu "di-tahankan" sa-malam, ia-nya "di-kachau" semula dan di-tukar ayer-nya, saperti kelihatan gambar di-atas.

Ambulong di-dalam "sadian" di-sebelah kiri ini yang sudah sedia untuk di-masokkan ka-dalam tampin.

Awang Zaini kelihatan sedang mengisikan ambulong ka-dalam tampin yang di-perbuat dari daun nipah.



Sa-telah di-kupas dan di-belah mengikut ukuran-nya, rumbia itu di-susun sedia untuk di-masokkan ka-dalam meshen.



Kerja2 membuat tampin ambulong itu di-lakukan oleh kaum ibu.

Sa-tampin ambulong yang sudah sedia untuk di-jual. Sa-tampin ambulong kira2 berat-nya 30 kati.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

SA-BAGAI IMAM DAN BILAL

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk menenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Uagama, Brunei.

- IMAM (1 jawatan) — Bagi Mesjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong.
- BILAL (1 jawatan) — Bagi Mesjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid yang berkenaan.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun.
- Mesti-lah mahir dalam membaca Al-Quran dan mengetahui rukun2 Uagama Islam.

c) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Keparah bila2 masa di-kehendaki.

d) Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan diadakan oleh Jabatan Hal Ehwal Uagama, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji ada-lah seperti berikut:—

Jawatan IMAM — U. 4 — \$280x10-390-410x10-560.

Jawatan BILAL — U. 2 — \$220x10-390-410x10-430.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

SA-BAGAI JURU MESIN KANAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan Juru Mesin Kanan di-Bahagian Mesin Pejabat, Pejabat Perbendaharaan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Melayu dan Tingkatan IV Inggeris;
- Pemohon2 hendak-lah sebak2-nya berumur di-antara 27 hingga 35 tahun dan mempunyai pengalaman luas dalam kerja2 memelihara dan membaiki mesin2 pejabat;
- Mengetahui sa-banyak sedikit tentang electronics merupakan suatu kelebihan;
- Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman menyelia kaki tangan2 dan menadbir sa-sebuah workshop.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C. 1 EB 2 — \$610x30-640x40-680/EB/710x30-950. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perhubungan sa-lama 6 bulan. Chalun2 yang berjaya yang terdiri dari raayat

D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Bagi chalun2 yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 30hb. Disember, 1972.

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Pemandu Kereta Tingkatan II di-Jabatan Muzium, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 dan 40 tahun dan boleh menulis dan membaca.
- Mereka mesti-lah peman-

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat dari 20hb. Januari, 1973.

Sa-bagai

Ahli Bomba

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi jawatan sa-bagai Ahli Bomba di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

Kelayakan2:

- Umor: Di-antara 18 hingga 28 tahun.
- Tinggi: Sekurang2-nya 5' 4".
- Pelajaran: Biasa-nya chalun2 hendak-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II atau yang sa-bandung dengan-nya dan boleh bertutor dalam Bahasa Inggeris.
- 'Am: Perlu mempunyai Lesen Memandu Kelas III, walau bagaimana pun, keutamaan akan di-beri kepada mereka yang mempunyai Lesen Memandu Kelas V. Chalun2 di-hendaki menjalani peperiksaan perubatan dan perlu mempunyai badan yang tegap dan sehat.

Gaji:

Rekrut — \$200.00 sa-bulan. Sa-telah tamat berkhidmat sa-lama 6 bulan dengan memuaskan chalun2 tersebut akan di-lantek sa-bagai Ahli Bomba dengan gaji \$230.00 sa-bulan dalam sukatan gaji \$230x5-265.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat dari 8hb. Januari, 1973.

Sa-bagai Pemandu Kereta Tingkatan II

du2 yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu serta boleh memperbaiki kerosakan2 kecil.

Tugas2:

Chalun yang berjaya akan di-kehendaki memandu kenderaan Jabatan dan bersedia bekerja bila2 masa di-kehendaki di-luar masa pekerjaan biasa.

Sa-bagai Kerani/

Penterjemah China

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan bagi jawatan sa-bagai Kerani / Penterjemah China di-Jabatan Pulis Diraja, Brunei.

Hanya chalun2 yang mempunyai kelayakan2 sekolah di-kehendaki memohon.

Kelayakan2:

- Lulus Senior Middle Chinese dan Overseas School Certificate dengan mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris dan bahasa China atau yang sa-bandung.
- Berpengalaman dalam pekerjaan menterjemah.

Tugas2:

Menterjemah surat2 dari bahasa Inggeris ka-bahasa China dan sabalek-nya serta sa-batang tugas2 kerani yang lain.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C. 2 — \$710x30-950 atau D. 3 EB 4 — \$410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perhubungan sa-lama 6 bulan. Chalun yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Bagi chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 30hb. Disember, 1972.

daki di-luar masa pekerjaan biasa.

Gaji:

Dalam Sukatan gaji F. 3 — \$220x5-240.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 30hb. Disember, 1972.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

SA-BAGAI TIM. PENDAFTAR BERANAK DAN MATI

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan Timbalan Pendaftar Beranak dan Mati di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

- Chalu2 mesti-lah terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan dan lulus sekurang2-

DI-JABATAN PELAJARAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan sa-bagai Penolong Pengajar, Pemasangan dan Penggunaan Meshen di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

Kelayakan2:

Mesti-lah mempunyai kelayakan yang di-iktiraf dalam kejuruteraan mekanikal atau Kursus City & Guilds No. 193, Bahagian 1 & 2, atau No. 393, Sijil Tahun Pertama dalam pertukangan Kejuruteraan.

'Am:

Chalu2 untuk jawatan2 ini hendak-lah tamat lathan serta mempunyai beberapa tahun pengalaman praktikal. Keutamaan akan di-beri kepada chalu2 yang boleh bertutor dan menulis dalam Bahasa Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji T. 7 — \$470 x 20-510 x 30-540 x 20-660 x 30-690 x 20-710 x 30-890. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalu2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama tiga tahun termasuk masa perhubungan sa-lama 6 bulan. Kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi chalu2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-iawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

Bakiss:

Bagi sa-seorang chalu yang di-lantek sa-chara berkontrek, bakiss sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Bakiss tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Permohonan2 mesti-lah dipenohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 10hb. Januari, 1973.

nya Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada chalu2 yang mempunyai kelulusan2 yang lebih tinggi.

- Permohonan2 daripada pegawai2 Kerajaan yang telah berkhidmat sekurang2-nya sa-lama 5 tahun akan juga di-pertimbangkan.
- Mempunyai pengalaman pendaftaran atau pernah berkhidmat dalam jawatan2 perangkaan merupakan suatu kelebihan.

'Am:

Chalu yang berjaya mesti-lah bersedia untuk menjalani kursus di-seberang laut.

Sa-bagai Jururawat Perchubaa

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi di-lantek sa-bagai Jururawat Perchubaa di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mencapai umur 18 tahun. Mereka mesti-lah lulus Form III Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai sijil yang menunjukkan salah satu mata pelajaran-nya ia lulus dalam bahasa Melayu, atau sekurang2-nya boleh bertutor dalam bahasa Melayu dengan chekap.

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM SA-BERAPA BANYAK YANG BOLEH

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 Pegawai Kastam di-Jabatan Kastam dan Bea, Brunei.

Kelayakan2:

Lulus Tingkatan III Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai sijil menunjukkan salah satu mata-pelajaran-nya ia lu-

Gaji:

Dalam sukatan gaji C. 2 — \$710x30-950.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dipenohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 8hb. Januari, 1973.

Sukatan Gaji:

Dalam Perchubaa: D. 1-2 — \$230x10-280x15-380. Gaji permulaan bergantung kepada kelulusan persekolahan.

Jururawat Terlatih: D. 3 — \$410x20-510.

Sharat2 Lantekan:

- Pemohon2 yang terpilih akan menjalani lathan bagi mendapatkan Sijil Jururawat Terlatih di-Rumah Sakit Besar, Bandar Seri Begawan. Lazim-nya lathan ini memakan masa sa-lama 3 tahun 4 bulan. Sa-telah memperolehi Sijil Jururawat Terlatih, pemohon2 ada-lah berhak di-tetapkan sa-bagai Jururawat Terlatih di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan Kerajaan Brunei.
- Pakaian seragam ada-lah di-beri perchuma dan tempat tinggal akan di-adakan. Jururawat2 Perchubaa akan menerima alaan dhobi dan alaan makan.

Permohonan2 mesti-lah dipenohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 20hb. Januari, 1973.

Sa-bagai Pegawai Kastam

lus dalam bahasa Melayu, atau sekurang2-nya boleh bertutor dalam bahasa Melayu dengan chekap.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB 4 — \$230x10-290x15-335/EXAM/350 x 15-380-410 x 20-510/EB/540x20-660.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-

Sa-bagai Imam dan Merbut

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

- IMAM (1 jawatan) — Bagi Mesjid Senaut, Tutong.
- MERBUT (2 jawatan) — Bagi Mesjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait dan Mesjid Pekan, Seria.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid2 yang berkenaan.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun.
- Mesti-lah mahir dalam membacha Al-Quran dan mengetahui rukun2 Uga-Islam.
- Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Keparah bila2 masa di-kehendaki.
- Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji ada-lah seperti berikut:

Jawatan IMAM — U. 4 —

\$280x10-390-410x15-560.

Jawatan MERBUT — U. 1

— \$190x5-230-240x10-270.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dipenohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 10hb. Januari, 1973.

nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dipenohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 6hb. Januari, 1973.

Gerakan meruboh rumah2 yang telah di-beri notis

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pekerja2 Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan sedang meneruskan gerakan meruboh rumah2 yang tidak kukuh untok di-diami yang letaknya di-Jalan Tutong dan termasuk dalam kawasan Bandaran.

Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran itu, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz menyatakan bahawa notis2 kepada tuan2 punya rumah dan tanah yang di-duduki oleh rumah2 itu telah pun di-keluarkan. Tetapi, sa-hingga tempoh notis itu tamat, rumah2 burok itu masih juga tidak di-rubuhkan.

Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz menegaskan, oleh kerana notis yang di-keluarkan menurut undang2 dan peratoran Lembaga Bandaran itu tidak di-hormati, maka Lembaga Bandaran terpaksa melaksanakan tindakan yang muktamat untok merubuhkan rumah2 itu.

Pemangku Pengerusi Lembaga itu menyatakan kekesalan beliau atas sikap yang tidak memperdulikan undang2 dan peratoran2 itu, dan sikap yang demikian itu di-sifatkan beliau sa-bagai satu perkara yang boleh merachuni perkembangan negara.

Beliau mengingatkan pehak2 yang telah menerima notis2 untok meruboh rumah2, pondok2 dan sebarang pembinaan yang tidak mendapat kebenaran dalam kawasan bandaran, hendaklah mematohi-nya dengan tindakan2 yang segera.

Kalau notis2 itu tidak di-hormati, kata-nya, maka mereka juga akan menerima tindakan seperti mana yang di-buat kepada rumah2 burok yang di-bina di-kawasan bandaran di-Jalan Tutong itu.

Beliau menjelaskan bahawa segala perbelanjaan meruboh dan pembersehan yang di-buat oleh Lembaga itu akan di-tuntut kepada tuan2 punya tanah yang di-duduki oleh rumah2 yang di-perentahkan supaya di-ruboh itu.



KOLAM BERNANG MULA DI-BUKA PADA 2HB. JANUARI, 1973

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kolam Bernang di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan akan mulai di-buka kepada ahli2 Persatuan Belia/Kebajikan dan badan2 sukan di-negeri ini mulai hari Selasa 2hb. Januari tahun depan.

Kolam Bernang itu akan di-buka empat kali dalam seminggu ia-itu hari Ahad, Selasa, Khamis dan Sabtu dari jam 2.00 petang hingga 9.00 malam.

Pesuruhjaya Kebajikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Saleh bin Haji Masri berkata hanya ahli2 Persatuan Belia/Kebajikan dan badan2 sukan yang mempunyai kad keahlian persatuan masing2 sahaja di-benarkan menggunakan kolam bernang dan lain2 kemudahan di-pusat itu.

Yang Berhormat itu menerangkan ahli2 persatuan yang tidak menunujkan kedua2 kad keahlian persatuan dan kad pengenalan mereka apa-

bila di-minta. Pegawai2 yang bertugas di-Pusat Belia berhak tidak membenarkan masuk ka-kawasan Pusat Belia.

Pesuruhjaya Kebajikan itu juga mengharapkan kepada semua Setia Usaha Agong Persatuan2 Belia/Kebajikan dan badan sukan di-negeri ini supaya mengeluarkan kad2 persatuan kepada semua ahli2 mereka.

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Raja ketika menghadiri Santap Bersarapan di-pekarangan Istana Darul Hana pada malam Khamis yang lalu. Majlis santap bersarapan itu ia-lah bagi meraikan mempelai Diraja Y.T.M. Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Mulia Pengiran Idris.

Perayaan sa-lama dua minggu bagi meraikan perkahwinan Diraja itu telah berakhir pada hari Rabu lepas.

HARI KELEPASAN AWAM — 1973

ADA-LAH dengan ini di-beritahu bagi pengetahuan ramai bahawa Sultan dalam Majlis Meshuarat telah mengistiharkan bahawa hari2 yang berikut ada-lah hari2 kelepasan awam di-Negeri Brunei bagi tahun 1973:—

Awal Tahun Masehi - - - -	Hari Isnin, 1hb. Januari
*Hari Raya Haji - - - -	Hari Isnin, 15hb. Januari dan Hari Selasa, 16hb. Januari
Tahun Baru China - - - -	Hari Sabtu, 3hb. Februari
*Awal Tahun Hijrah - - - -	Hari Isnin, 5hb. Februari (Sa-bagai ganti Hari Ahad, 4hb. Februari)
*Maulud - - - -	Hari Isnin, 16hb. April (Sa-bagai ganti Hari Ahad, 15hb. April)
Hari Ulang Tahun Askar Melayu Diraja Brunei - -	Hari Khamis, 31hb. Mei
Hari Keputeraan Baginda Queen - - - -	Hari Sabtu, 2hb. Jun
Hari Keputeraan D.Y.M.M. - Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan - -	Hari Isnin, 16hb. Julai (Sa-bagai ganti Hari Ahad, 15hb. Julai)
*Me'raj - - - -	Hari Isnin, 27hb. Ogos (Sa-bagai ganti Hari Ahad, 26hb. Ogos)
*Awal Ramadhan - - - -	Hari Sabtu, 29hb. September (Sa-bagai ganti Hari Jumaat 28hb. September)
Hari Perlembagaan - - - -	Hari Isnin, 1hb. Oktober (Sa-bagai ganti Hari Sabtu 29hb. September ia-itu hari kelepasan awam)
*Memperingati Nuzul Al-Quran -	Hari Isnin, 15hb. Oktober (Sa-bagai ganti Hari Ahad 14hb. Oktober)
*Hari Raya Puasa - - - -	Hari Isnin, 29hb. Oktober (Sa-bagai ganti Hari Ahad, 28hb. Oktober) dan Hari Selasa, 30hb. Oktober.
Hari Kerismas - - - -	Hari Selasa, 25hb. Disember dan Hari Rabu, 26hb. Disember.

* Terta'alok kepada perubahan.

Pegawai Bomba berkursus di-U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Jahari bin Ahad, Penolong Pegawai Steshen Balai Bomba telah berlepas ka-United Kingdom semalam untok menyertai kursus menche-gah kebakaran sa-lama lapan bulan sa-tengah di-Britain.

Dalam masa dua minggu pertama Awang Jahari akan menyertai Balai Bomba Cheshire sa-belum menghadiri kursus sebenar-nya yang akan bermula pada 29hb. Disember.

Beliau kemudian-nya akan che-gah kebakaran sa-lama 11 menghadiri satu kursus men-

minggu di-Maktab Teknikal Perkhidmatan Bomba, Moreton-In-Marsh.

Sa-telah menjalani kursus itu Awang Jahari akan di-tempatkan di-sebuah balai bomba lain untok mendapatkan pengalaman dalam chara2 menche-gah kebakaran sa-lama kira2 lima minggu.

Sa-belum pulang ka-Brunei, Awang Jahari akan menyertai sekali lagi kursus lanjutan menche-gah k e b a k a r a n sa-lama 6 minggu di-Maktab Teknikal Perkhidmatan Bomba, Moreton-In-Marsh.